

UniMAP Menerima Kumpulan Pertama Daripada China.



17 Oktober 2008 - Setelah beberapa bulan membuat persiapan, hari ini Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menerima kumpulan pelajar pertama daripada pelajar China. Mereka terdiri daripada 31 orang pelajar lelaki dan perempuan. Kebanyakannya daripada mereka dari Wilayah Xinjiang. Setibanya mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, mereka dibawa ke Taman Aman, Bintong yang mana mereka akan ditempatkan selama enam bulan untuk mengikuti kelas Bahasa Inggeris yang ditawarkan di Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan.

Naib Canselor Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, turut menjemput ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Naib Canselor menyatakan pengambilan pelajar China ini bermulanya era baru pengantarabangsaan untuk UniMAP. "Kami menyahut saranan kerajaan, untuk memantapkan pengantarabangsaan. Oleh itu inilah salah satu cara yang kami sedang lakukan," ujar beliau.

Pelajar-pelajar China, telah menghadiri program orientasi yang dijalankan oleh Pusat Hal Ehwal Antarabangsa dan juga beberapa unit lain. "Kami bercadang untuk menganjurkan lebih banyak lagi program yang dapat meningkatkan peluang berinteraksi di antara pelajar-pelajar dari dalam dan luar negara. Dengan itu pelajar-pelajar dari dalam dan luar negara dapat mempelajari budaya masing-masing", ujar Puan Nur Isyalliena Ishak, Pegawai Antarabangsa UniMAP.